

PENYERTAAN PERANAKAN PUNJABI DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI: KAJIAN ETNOGRAFI DI KOTA KINABALU, SABAH

Sarjit S. Gill

Abstract

This ethnographic study was carried out to survey the participation of the peranakan community in the Sikh programme in Kota Kinabalu, Sabah. Data was collected through fieldwork done from February to July 2004 in Gurdwara Sahib, Kota Kinabalu (GSKK) using the observation method and in-depth interview. Five informants from the Punjabi peranakan who served as contacts from GSKK were interviewed. The peranakan community's deep involvement in the Punjabi religious activities in GSKK is motivated by a variety of factors including importance of kinship, psycho-social and religious programmes. The research findings show that the Punjabi peranakan community faces various challenges in its fight for religious and social education as proposed by the Jawatankuasa Pengurusan Gurdwara (JPG), which manages and runs GSKK. The half-heartedness of the JPG members in carrying out its task and responsibility, as well as giving efforts in playing a proactive role in fostering Sikh community development, specifically the peranakan Punjabi, proves to give impact to Sikh identity construction. This matter indirectly gives the idea that the peranakan Punjabi has a different perception in religion and Sikh identity compared to the Sikhs in Peninsula Malaysia. This article argues that the Punjabi peranakan community's participation in the community development program should be strengthened by being committed and consistent of all JPG members who are responsible in carrying out its role and task in administering and managing the religious and social programmes of GSKK.

Pengenalan

Kajian mengenai komuniti Sikh masih belum cukup meluas di Malaysia terutama di negeri di bawah bayu, iaitu Sabah. Oleh itu, artikel ini mengupas sejarah perkembangan program pembangunan komuniti minoriti Sikh di Kota Kinabalu, Sabah. Fokus utama makalah ini adalah mengenai keberkesanan program pembangunan komuniti Sikh anjuran Persatuan Kinabalu Singh Sabha (KSS) yang mentadbir dan mengurus perjalanan Gurdwara Sahib Kota Kinabalu (GSKK). Pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah penyelidikan etnografi digunakan dalam kajian ini. Tujuan kajian untuk meninjau sejauhmanakah komuniti Sikh terutama peranakan Punjabi mendapat manfaat sepanjang menyertai program pembangunan komuniti di GSKK.

Makalah ini dibahagikan kepada dua bahagian penting, pertama meninjau kegiatan sosial yang dianjurkan di premis GSKK, iaitu program *samelan* dan pendidikan Punjabi. Kedua-dua program berkenaan cukup penting bertujuan memenuhi keperluan komuniti Sikh termasuk peranakan Punjabi. Bahagian kedua pula mengupas beberapa naratif sosial yang dikemukakan oleh lima orang informan peranakan Punjabi yang aktif menyertai program pembangunan komuniti di GSKK.

Program Pembangunan Komuniti

Program pembangunan komuniti yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Gurdwara, iaitu persatuan KSS di GSKK merupakan nadi utama selain menjalankan upacara keagamaan. Program pembangunan komuniti yang dijalankan cukup penting kerana mewujudkan pemahaman agama Sikh yang murni di kalangan komuniti Sikh termasuk dalam kalangan peranakan Punjabi. Penglibatan anggota komuniti dalam program sosial memberi peluang kepada setiap individu berinteraksi dan mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat terutama *naujawan* (belia). Walau bagaimanapun, program tersebut tidak mendapat perhatian umum apabila KSS melaksanakan program secara “bermusim” dan tidak konsisten. Cabaran itu memberi kesan kepada pelaksanaan program pembangunan komuniti Sikh yang mapan dan komited. Cabaran utama yang berlaku ialah kerana *focus area* KSS yang berbeza dan menyimpang daripada ajaran agama. Berikut adalah beberapa program pembangunan komuniti yang pernah dianjurkan oleh KSS dan cabaran yang dihadapi oleh komuniti Sikh terutama peranakan Punjabi dalam soal mendapatkan maklumat dan bimbingan agama Sikh secara berterusan.

Program *Samelan*

Samelan bermaksud kem belia yang memberi peluang kepada *naujawan* untuk mendapatkan pelbagai maklumat bukan sahaja tentang pendidikan asas agama, namun turut menyentuh aspek sosial dalam meniti kehidupan mereka sebagai seorang Sikh. Mengikut catatan, *samelan* yang julung kalinya dibuat di premis GSKK telah dianjurkan pada bulan April 1985 oleh Pertubuhan Belia Sikh Malaysia (PBSM) yang berpusat di Kuala Lumpur. Beberapa orang ahli Exco PBSM yang berpengalaman “turun padang” menganjurkan program tersebut. Antaranya, Master Daljit Singh, En. Amrao Singh, Giani Sukhdev Singh, Giani Joginder Singh, En. Malkith Singh, En. Harjit Singh dan En. Paramjit Singh. Pelbagai aktiviti sosial dianjurkan terutama menyentuh aspek agama yang menjadi banyak persoalan dan dilema peranakan Punjabi di negeri Sabah. Seramai 150 orang peserta mengambil bahagian dalam *samelan* tersebut dan majoritinya terdiri daripada *naujawan* peranakan Punjabi dari Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Labuan. Majoriti peserta yang menghadirinya mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang cetek tentang agama Sikh. Selepas menyertai *samelan*, para peserta berasa bertuah dan bangga kerana mereka mendapat pelbagai maklumat tentang agama terutama semasa sesi soal jawab (diskusi). Apa yang menarik, bahasa yang digunakan dalam program *samelan* tersebut bukannya bahasa Punjabi sebaliknya

bahasa Melayu yang merupakan bahasa pertuturan seharian komuniti peranakan Punjabi di Sabah.¹

Pada bulan Julai 1985, komuniti Sikh menganjurkan sebuah program *samelan* di Kota Kinabalu untuk menarik minat *naujawan* mendalami agama Sikh. Selepas itu, program mini *samelan* dianjurkan setiap tahun bertujuan menarik minat dan perhatian generasi muda mempelajari agama Sikh dan mempraktikkannya dalam kehidupan mereka. Selanjutnya *samelan* ke-11 pula dipimpin oleh En. Mohan Singh dan En. Darshan Singh Sandhu sebagai setiausaha. Mereka dibantu oleh beberapa orang belia lain yang bersemangat dan komited seperti Gurdev Singh, Amarjit Kaur, Manjit Kaur, Naramjit Singh, Ramjit Kansa, Ramillah Hansaram, Kaljit Kaur, Brahmpreet Kaur, Ramaya Kansa, dan Suaran Singh. Majoriti *naujawan* ini adalah terdiri daripada anak peranakan Punjabi yang berminat dan komited untuk mendalami agama Sikh.

Samelan yang dianjurkan oleh PBSM dengan kerjasama KSS mempunyai beberapa kesan sosial yang signifikan dalam kehidupan penganut Sikh. Antaranya, menimbulkan kesedaran di kalangan *naujawan* terutama peranakan Punjabi mengenai identiti Sikh; kedua, mempelajari sejarah agama Sikh; ketiga, mempelajari ajaran asas agama Sikh; keempat, membentuk satu rangkaian perpaduan di kalangan generasi muda; kelima, meluaskan perkahwinan dengan komuniti Sikh di Semenanjung; keenam, membentuk jaringan tetap dengan PBSM; ketujuh, mencipta sejarah apabila dua orang peranakan Punjabi, iaitu Brahmpreet Kaur dan Suaran Singh menjadi *Khalsa* selepas memohon *amrit*. Kemudian dalam tahun 1999, beberapa orang peranakan Punjabi lain menganggotai Persaudaraan *Khalsa*. Mereka adalah Mohan Singh dan isteri, Charan Kaur, Darshan Singh Sandhu dan ibu, Harnam Kaur, Kaljit Kaur dan Ramillah Hansaram. Dalam tahun 2002, dua orang anak Darshan Singh Sandhu, iaitu Preetpiare Kaur dan Jasbianta Kaur menjadi anggota Persaudaraan *Khalsa*. Pada bulan Disember 2003, Dara Singh Sandhu (adik kepada Darshan Singh Sandhu) pula menjadi ahli Persaudaraan *Khalsa*.²

Persaudaraan *Khalsa* yang wujud sejak tahun 1699 telah diperkenalkan oleh Sri Guru Gobind Singh Ji. Ia merupakan satu orde baru yang dikenali sebagai *Khalsa* atau bermaksud “yang tulen”. Konsep ini secara khasnya membentuk sebuah Persaudaraan *Khalsa* di mana setiap penganut Sikh perlu menjalani upacara *amrit sanskar* untuk memakai simbol 5K sebagai ‘pakaian rasmi’ yang baharu. Dalam agama Sikh, upacara *amrit sanskar* adalah seperti mana upacara pembaptisan dalam agama Kristian, dan sangat penting untuk penganut Sikh mendekati Tuhan. Upacara bersifat kolektif ini diadakan apabila ada beberapa penganut Sikh yang sudah bersedia memohon *amrit* untuk dibaptiskan. Sebelum seseorang itu dibaptiskan, individu tersebut mestilah mandi dahulu dan diwajibkan memakai simbol 5K. Mereka tidak dibenarkan memakai barang kemas, peralatan persolekan dan perhiasan. Mereka wajib memakai simbol 5K, iaitu *Kesh* (berambut panjang), *Kangha* (sikat), *Kirpan* (pedang kecil), *Kara* (gelang besi), dan *Kacchera* (seluar pendek). Upacara ini dilangsungkan oleh lima orang Sikh yang soleh dan sempurna yang digelar *Panj Piare* (*Five Beloved Ones*). Amalan pemakaian simbol 5K ini merupakan suatu syarat penting bagi seseorang penganut Sikh untuk menyahut cabaran Sri Guru Gobind Singh kerana melambangkan keimanan seorang Sikh (*Khalsa*) yang sejati dan tulen.³

Setiap kumpulan etnik mempunyai ciri budaya yang melambangkan identiti dan menandakan sempadan etnik mereka. Seseorang yang menganggap dirinya sebagai ahli etnik tertentu mengidentifikasikan dirinya sebagai ahli kumpulan

tersebut, berkongsi nilai budaya yang sama dan mempunyai keahlian yang boleh dikenal pasti oleh orang lain. Identiti boleh dilihat dari dua segi. Pertama, identiti menurut kaca mata aktor itu sendiri yang memperlihatkan ciri-ciri perwatakan identitinya (*everyday-defined*) yang berbeza daripada orang lain (individu). Kedua, identiti yang *authority-defined* iaitu identiti yang ditetapkan oleh satu-satu pihak yang berkuasa seperti golongan politik atau agama yang menentukan identiti sesuatu kumpulan (kolektif). Akan tetapi, identiti seseorang dalam sesuatu keadaan tidak mutlak. Identiti ialah satu ciptaan sejarah (*a historical construction*) dan bersifat dinamik.⁴

Identiti komuniti Sikh terbentuk menurut ketentuan agama dan bersifat kolektif. Identiti berasaskan agama ini ditentukan oleh *Shiromani Gurdwara Parbandhak Committee* (SGPC) yang berpusat di Amritsar, Punjab telah menetapkan bahawa upacara *amrit sanskar* sebagai identiti Sikh yang sebenar dan signifikan. Kelima-lima simbol 5K penting dan mesti dipakai sepanjang masa kerana mencirikan identiti Sikh yang bersifat *ideal type*.

Pertama, *Kesh* atau rambut panjang ialah simbol terpenting bagi kaum Sikh sebagai simbol keimanan. Ringkasnya penganut Sikh tidak seharusnya memotong atau mencukur rambut dan bulu di mana-mana bahagian badan mereka. Berbuat demikian dianggap melanggar perintah *Waheguru*. Kedua, *Kangha* atau sikat mempunyai hubungan yang rapat dengan rambut kerana dengan adanya sikat, rambut dianggap akan sentiasa bersih. Sikat diperbuat daripada kayu dan sentiasa terletak di dalam serban. Ketiga, *Kirpan* atau pedang kecil menunjukkan seseorang yang memegangnya adalah setia dan teguh imannya serta mempunyai komitmen yang tinggi terhadap agama. Simbol ini biasanya digunakan untuk melawan ketidakadilan, penganiayaan dan membantu golongan yang lemah. Ia juga tidak boleh digunakan sesuka hati untuk menguasai hak orang lain. Keempat, *Kacchera* atau seluar pendek melambangkan kesediaan waktu serta ketangkasan dalam proses melakukan sesuatu. *Kara* atau gelang besi yang dipakai di tangan kanan, mengingatkan seseorang agar mengelakkan kejahatan serta melambangkan ikatan dan kepatuhan yang teguh antara si pemakai dan agamanya.⁵

Setiap penganut Sikh perlu mematuhi empat larangan atau *char kurahit* dalam persaudaraan *Khalsa* yang telah ditetapkan oleh Sri Guru Gobind Singh Ji. Apabila seseorang penganut Sikh memohon *amrit*, mereka diminta mengikuti empat perkara seperti berikut: Pertama, tidak boleh memotong atau mencukur sebarang rambut di mana-mana bahagian badannya. Kedua, tidak boleh memakan daging yang dipotong dengan pemaksaan (termasuk daging halal). Ketiga, tidak boleh meminum arak, menghisap tembakau atau dadah. Dan keempat, tidak boleh mengadakan hubungan seks selain daripada dengan suami atau isteri.⁶

Program *samelan* anjuran PBSM dengan kerjasama JPG ini berlangsung di premis GSKK memberi ruang, peluang dan perspektif baru kepada orang Sikh mengenali, memahami dan mendalami ajaran agama Sikh. Program tersebut berjaya menarik penglibatan komuniti Sikh termasuk peranakan Punjabi dalam pelbagai aktiviti yang dirancang khasnya menimbulkan semangat tinggi untuk menyertai Persaudaraan *Khalsa*. Pada masa yang sama, para peserta mendapat pelbagai pendedahan dan maklumat mengenai agama Sikh yang sebelum ini begitu asing dalam kehidupan mereka. Semangat kerjasama antara peserta turut mengeratkan hubungan perpaduan dan membina jati diri (identiti) berlandaskan ajaran agama. Malangnya, ketidaksungguhan pihak JPG memainkan peranan menganjurkan program *samelan* secara konsisten setiap setahun menyebabkan

maklumat agama yang diterima oleh peranakan Punjabi tidak mencukupi dan tersekat serta menghambat usaha membentuk identiti Sikh. Perkara ini merupakan satu cabaran yang masih menghantui peranan JPG kerana gagal memastikan penerusan program *samelan* di GSKK.

Program Pendidikan Agama

Program pendidikan agama menjadi salah satu fokus utama KSS, namun ia tidak kekal lama apabila dilanda “kekecohan” sehingga membawa kepada penutupan sekolah Punjabi. Sehingga tahun 2004, tiada usaha murni dibuat oleh pihak KSS bertujuan memartabatkan pendidikan Punjabi di premis gurdwara. Mengikut catatan, pendidikan Punjabi dan pembukaan sekolah Punjabi pernah dibuat sejak tahun 1960-an di GSKK. Tiada sebarang dokumen dan rekod rasmi ditemui sepanjang kajian mengenai sekolah Punjabi yang disimpan oleh KSS. Ia berlaku mungkin kerana persatuan politik tersebut sering bertukar kepimpinan dan masing-masing mempunyai agenda sendiri. Akan tetapi, kesudian En. Darshan Singh meminjamkan fail peribadinya mengenai sekolah Punjabi sejak tahun 1990an banyak membantu penyelidikan ini.

Pada tahun 1991, En. Harjit Singh Parman, Presiden KSS mengambil satu keputusasan serius untuk menghidupkan semula pendidikan sekolah Punjabi di premis gurdwara.⁷ Tiga sebab utama dikenal pasti mengenai peri pentingnya sekolah Punjabi. Pertama, bahasa Punjabi adalah bahasa ibunda penganut Sikh; kedua, *Sri Guru Granth Sahib Ji* ditulis dalam skrip *Gurmukhi* dan begitu penting dipelajari bagi memahami mesejnya; dan ketiga, bahasa Punjabi bukan sahaja satu bahasa yang indah, tetapi menjadi satu aset tambahan sekiranya individu mengetahuinya.⁸ Atas tiga alasan, maka pihak KSS merancang untuk menubuhkan semula sekolah Punjabi yang sudah lama ditutup. Tugas mentadbir sekolah Punjabi bukanlah satu perkara yang mudah kerana memerlukan komitmen dan minat individu untuk mendalami pendidikan dan agama Sikh.

Pada tahun 1991, KSS melantik En. Darshan Singh Sandhu⁹ sebagai pentadbir sekolah Punjabi. Beliau menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan gigih. Sekolah tersebut mempunyai enam peringkat (*standard book*) kelas dan tempoh pelajaran serta yuran bulanan yang berpatutan dicaj kepada pelajar. Misalnya, bagi peringkat pertama, yakni Buku Satu memerlukan tempoh pelajaran selama dua bulan dengan bayaran bulanan sebanyak 0.50 sen sahaja. Semua kelas Punjabi diadakan pada setiap hari Sabtu (2.30 - 3.30 petang) dan Ahad (8.30 - 9.30 pagi). Bagi pelajar yang lewat dan tidak menghadiri kelas Punjabi, mereka dikenakan denda sebanyak 0.20 sen setiap kali melanggar peraturan sekolah Punjabi. Tujuannya bagi menggalakkan disiplin pelajar dan ibu bapa seperti ketepatan masa dan komitmen untuk menghadiri kelas Punjabi.

Sehingga 17 Ogos 1991, sekolah Punjabi mempunyai 46 orang pelajar. Pada mulanya, sekolah tersebut beroperasi dengan baik tetapi dalam bulan ketujuh masalah mulai timbul di kalangan guru-guru wanita. Kesemua guru tersebut berkhidmat secara sukarela. Sekolah Punjabi mengalami cabaran hebat apabila berlakunya perselisihan faham di kalangan guru yang mengkritik kebolehan masing-masing. Tambahan lagi, komitmen ibu bapa yang semakin pudar untuk terus bekerjasama menghantar anak-anak mereka ke sekolah Punjabi turut merumitkan masalah. Majoriti ibu bapa tidak berminat menyusahkan diri untuk

menghantar anak mereka ke sekolah Punjabi kerana ingin menonton tayangan filem Hindi pada setiap petang hari Sabtu.

Kemuncaknya meletus apabila salah faham yang berlaku di kalangan guru untuk memilih mengajar kelas darjah enam (peringkat). Salah faham itu memberi kesan mendalam kepada keutuhan pentadbiran sekolah Punjabi.¹⁰ Justeru, serangan peribadi Datuk Udham Singh Mann terhadap En. Darshan Singh Sandhu menjadi salah satu faktor yang membawa kepada penutupan sekolah Punjabi. Penentangan dibuat mengenai latar belakang En. Darshan Singh Sandhu, seorang peranakan Punjabi-Kadazan yang tidak boleh berbahasa Punjabi dilantik sebagai pentadbir Sekolah Punjabi. Kesemua faktor tersebut melemahkan pendidikan di sekolah Punjabi dan masalah menjadi bertambah rumit apabila semua guru berhenti serta merta. Akibatnya, hanya isteri Datuk Udham Singh seorang sahaja yang mengajar di sekolah berkenaan. Pemberhentian guru dan konflik dalaman yang berlaku menyebabkan pelajar dan ibu bapa mengalami dilema sehingga membawa kepada penutupan sekolah Punjabi secara rasmi pada awal tahun 1992.¹¹

Penutupan sekolah Punjabi anjuran KSS itu sebenarnya tidak mematahkan semangat En. Darshan Singh Sandhu untuk mendalami bidang pendidikan agama. Sebaliknya, ia meningkatkan lagi motivasi kepada beliau untuk belajar dan seterusnya mengajar skrip *Gurmukhi* dan asas bahasa Punjabi kepada anak-anaknya dan saudara maranya yang majoritinya menetap di daerah Tuaran. Semangat murni En. Darshan Singh Sandhu wajar dicontohi oleh individu lain terutama peranakan Punjabi. Sikap individu yang mempunyai niat negatif untuk menghalang pendidikan agama sebenarnya berlaku akibat kejahilan mereka dari sudut agama dan rohani kerana golongan ini mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah. Justeru itu, perbuatan segelintir ahli JPG yang memperlekehkan pendidikan agama memberi kesan yang mendalam kepada pembangunan komuniti Sikh itu sendiri khususnya kepada kemajuan *naujawan*. Pendidikan sekolah Punjabi ini memerlukan kerjasama dan sokongan murni daripada semua penganut Sikh serta perlu dianjurkan secara konsisten dan bersepadu. Namun, sehingga ke hari ini juga masih tiada usaha yang murni dan tegas diambil oleh pihak KSS untuk menubuhkan semula sekolah Punjabi bagi manfaat *naujawan*. Cabaran ini ternyata memberi kesan psiko-sosial dalam usaha membentuk identiti Sikh yang bersifat *ideal type* kepada komuniti Sikh terutama peranakan Punjabi.

Namun, pada tahun 2002, satu usaha murni yang bersifat sederhana telah dilakukan oleh mantan Presiden KSS, iaitu Puan Sarjit Kaur Kler¹² secara ikhlas. Beliau mengajar kelas Punjabi di premis GSKK pada setiap hari Ahad selama satu jam. Sehingga bulan Mac 2004, kelas Punjabi tersebut mempunyai tujuh orang pelajar sahaja. Majoriti pelajarannya menuntut di sekolah rendah dan beberapa orang lagi belum bersekolah. Salah satu sebab kelas tersebut mempunyai bilangan pelajar yang kecil adalah kerana ibu bapa tidak berminat menghantar anak mereka belajar di kelas Punjabi. Mereka mengkritik bahawa kelas Punjabi tersebut tidak teratur dari segi sukatan pelajaran serta sistem kemajuan. Justeru para pelajar juga berasa bosan dengan ulangan pelajaran setiap kali sekolah diberhentikan dan dimulakan kembali. Usaha murni Puan Sarjit Kaur Kler ini sebenarnya perlu diberikan perhatian serius oleh pihak JPG, iaitu persatuan KSS. Hal ini kerana kelas Punjabi tersebut boleh mencetuskan satu gagasan yang lebih besar, iaitu menubuhkan semula sekolah Punjabi yang sudah sekian lama "terkubur". Walaupun sudah dua tahun Puan Sarjit Kaur Kler mengajar kelas Punjabi tersebut, namun tiada sebarang perhatian serius diberikan oleh JPG tentang peri pentingnya pendidikan agama di

GSKK. Sepanjang pemerhatian didapati kebanyakan program dijalankan lebih bersifat usaha *individual basis*. Jelas sekali, tumpuan utama JPG kini semakin berbeza, iaitu mereka lebih berminat untuk membuat pelaburan dalam bidang hartanah berbanding pelaburan dalam bidang pembangunan komuniti khususnya pendidikan agama, iaitu penubuhan semula Sekolah Punjabi.

Program Pembangunan Belia

Pada 16 Julai 2000, KSS mengadakan *Extra-Ordinary General Meeting* (EGM) bertujuan membentangkan satu kertas cadangan bertajuk *Role of the Sikh Youth Centre in Developing the Youth*. Objektif pembentangan kertas cadangan tersebut adalah bertujuan untuk membina sebuah pusat belia di premis GSKK dan kos perbelanjaannya dianggarkan sekitar RM10 ribu. Pusat belia yang dirancang ini merangkumi semua aspek pendidikan seperti perpustakaan, bilik sumber, latihan, kaunseling, pusat sukan, dan kebudayaan. Cadangan murni ini memberi tumpuan kepada aspek pembangunan komuniti Sikh. Sudah tentu usaha baik ini pasti bakal memberi manfaat kepada *naujawan*. Penubuhan ini bertujuan merapatkan jaringan hubungan antara generasi muda termasuk peranakan Punjabi. Malangnya, cadangan tersebut hanya tinggal kenangan apabila ia ditentang hebat oleh seorang hartawan yang berpengaruh, iaitu Datuk Udham Singh Mann.¹³

Ada sebahagian kecil komuniti Sikh totok sukar menerima sesuatu pembaharuan yang ingin dibawa oleh *naujawan* terutama peranakan Punjabi. Serangan peribadi masih dijadikan senjata utama segelintir individu bertujuan melemahkan pihak lawan. Mereka tidak melihat keikhlasan individu yang bermotivasi tinggi untuk membawa kemajuan dalam konteks pembangunan komuniti seperti aspek pendidikan. Kelemahan tersebut sukar diubah kerana ramai yang masih berfikiran tradisional dan sebarang pembaharuan dipersoalkan secara lantang dan keras. Oleh sebab itu, dapatan kajian menunjukkan sehingga kinipun masih tiada satu usaha komited dan bersifat menyeluruh dijalankan oleh JPG bagi menubuhkan semula sekolah Punjabi. Akibatnya generasi muda lemah dalam bahasa Punjabi, penulisan skrip *Gurmukhi* dan cetek ilmu dari segi agama. Malah ada yang mulai meninggalkan agama Sikh.

Naratif Informan Terhadap Program Pembangunan Komuniti

Dalam bahagian ini, beberapa naratif sosial informan peranakan Punjabi diteliti terutama yang berkait rapat dengan penyertaan dan keberkesanan peranan KSS dalam mengajurkan program pembangunan komuniti di GSKK. Lima orang informan peranakan Punjabi yang telah ditemubual sebenarnya dipilih berdasarkan kepada penyertaan aktif mereka dalam program keagamaan dan sosial di GSKK. Majoritinya tidak boleh berbahasa Punjabi, sebaliknya lebih gemar berinteraksi dalam bahasa Melayu dialek Sabah. Oleh sebab itu, temubual yang dijalankan adalah dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Manakala bahasa Punjabi langsung tidak diguna pakai kerana mereka tidak memahaminya.

Setelah menyelidik latar belakang informan tersebut secara berperingkat-peringkat, didapati majoriti informan peranakan Punjabi mempunyai pengetahuan asas yang baik tentang agama Sikh. Mereka mempelajari secara sendiri (*self-study*)

agama Sikh dengan membaca pelbagai terjemahan bahan agama dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Melayu, dan Indonesia. Namun, mereka mempunyai pandangan berbeza mengenai kesungguhan KSS dalam menganjurkan program pembangunan komuniti demi manfaat penganut Sikh terutama kaum peranakan Punjabi yang masih terpinggir dalam aspek agama dan identiti daripada arus masyarakat perdana. Kebanyakan informan ini mendapat maklumat agama melalui sesi perbincangan (diskusi) dalam program *samelan* anjuran PBSM. Persoalannya, sejauhmanakah KSS benar-benar komited untuk menjadikan program pembangunan komuniti sebagai agenda utama dalam aspek pembinaan identiti Sikh yang murni?

Perlu ditegaskan bahawa majoriti komuniti peranakan Punjabi di Kota Kinabalu mengalami krisis identiti dalam kehidupan seharian mereka. Sungguhpun komuniti peranakan Punjabi beragama Sikh, namun mereka masih mengekalkan kebudayaan tradisi masing-masing. Ada yang masih berpegang kepada kebudayaan Kadazan, Murut, dan Cina. Majoritinya tidak gemar mengamalkan kebudayaan Punjabi dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini secara tidak langsung membawa kepada dilema kebudayaan dalam kehidupan komuniti peranakan Punjabi. Menurut Darshan Singh¹⁴:

Dilema kebudayaan sebenarnya adalah satu perasaan di mana seseorang individu menghadapi kesukaran dalam pemilihan antara meneruskan serta memelihara kebudayaan keturunannya tanpa keluar daripada sempadan identiti dan pengubahsuaian diri kepada kebudayaan yang majoriti. Contohnya, apakah pakaian, makanan, minuman, nama, nilai-nilai, lagu, bahasa yang boleh dan tidak boleh diamalkan. Adakah kebudayaan, identiti, nilai-nilai keagamaan tradisi itu tidak sesuai lagi? Apakah yang boleh diubahsuai dan apakah yang tidak boleh?

Sesungguhnya dilema kebudayaan ini akhirnya mencetus kepada krisis identiti yang terus-menerus berlaku dalam kehidupan komuniti peranakan Punjabi. Krisis identiti ini wujud akibat dilema kebudayaan selepas seseorang individu cuba menyesuaikan diri dengan kebudayaan dan cara hidup di sekeliling mereka. Individu tersebut menjadi serba-salah, di manakah tempatnya yang sebenar serta meragui kebijaksanaan dan kesesuaian kebudayaannya serta cara hidup asalnya. Pada masa yang sama, individu terbabit merasa curiga untuk meninggalkan kebudayaan serta cara hidupnya yang asal. Dalam kes-kes yang ekstrim, ada individu yang terus menjauhkan diri dan meninggalkan agamanya.¹⁵

Secara ideal KSS berfungsi menjalankan program sosial terutama keagamaan dan bertanggungjawab memastikan setiap kebajikan penganut Sikh dipelihara tanpa sebarang diskriminasi dan dasar pilih kasih. Sekiranya ditinjau secara mendalam, fungsi persatuan KSS langsung tidak menyentuh tentang aspek pendidikan. Peranan KSS lebih menjurus kepada perjalanan institusi gurdwara dan mengabaikan peranan *naujawan* dalam menganjurkan program pembangunan komuniti. Lazimnya penganut Sikh merujuk kepada persatuan ini untuk mendapatkan penjelasan dan maklumat mengenai perjalanan atau program yang berlangsung di gurdwara. Sekiranya ada individu yang tidak berpuas hati dan ingin memberi cadangan atau komentar, maka individu tersebut perlu menulis surat kepada Presiden atau Setiausaha KSS. Setiap surat yang diterima kemudiannya dibincangkan dalam mesyuarat bulanan. Justeru itu, segala cadangan yang diberikan oleh penganut Sikh akan dipertimbangkan mengikut konsensus majoriti ahli KSS. Pada bulan Mac 2004, dalam mesyuarat dua tahun sekali yang

berlangsung, persatuan KSS menerima reaksi dan komentar mengenai beberapa isu berbangkit.

Sehingga kini majoriti ahli KSS dianggotai oleh generasi tua dan segelintir saja golongan belia. Salah satu sebab utama yang dikenal pasti membawa kepada dominasi generasi tua ialah kurangnya minat *naujawan* menyertai politik gurdwara. Buktinya sepanjang pemerhatian dalam mesyuarat KSS pada bulan Mac 2004, didapati hanya kira-kira 20 peratus (anggaran) *naujawan* yang menghadiri mesyuarat dan selebihnya dimonopoli oleh generasi tua. Kelemahan tersebut mungkin disadari oleh generasi tua, namun mereka tidak berminat untuk mengambil inisiatif bagi menggalakkan *naujawan* menyertainya. Ia secara tidak langsung memberi peluang dan harapan kepada generasi tua memonopoli barisan kabinet KSS setiap dua tahun. Berikut adalah pandangan beberapa orang informan peranakan Punjabi tentang peranan JPG dalam konteks pembinaan identiti Sikh.

Jasbir Singh¹⁶: Ada dua sahaja peranan JPG dalam konteks membina identiti, pertama mengurus perjalanan gurdwara dan kedua, menjaga pendidikan sosial dan kebajikan anggota-anggotanya. Namun, kegiatan pendidikan agama, iaitu *parchaar* dipandang ringan oleh KSS. Mereka langsung tidak serius untuk menganjurkan program pendidikan agama di gurdwara. Bagi saya, pendidikan agama penting dalam membina identiti Sikh. Pendidikan tersebut perlu mengambil kira faktor kehidupan masa kini. Sehingga kini KSS memfokus kepada perjalanan institusi gurdwara dan mengurus sumber kewangan yang disimpan dengan baik. Mereka tidak menyentuh aspek pendidikan agama terutama pengajaran bahasa Punjabi demi membantu golongan kami yang buta huruf dalam bahasa Punjabi. Mungkin bagi KSS, mereka telah melaksanakan sesuatu yang terbaik tetapi dari segi pendidikan agama mereka sebenarnya “gagal” dalam membina identiti Sikh. Sudah dua belas tahun (12) sekolah Punjabi ditutup dan pelaksanaan pembukaannya semula tidak pernah dibincangkan oleh KSS. Ada segelintir yang sudah lama “memanaskan” kerusi dalam kabinet KSS tetapi tidak pernah memberi sumbangan seperti dalam bahasa Inggeris kita panggil *lips service*. Jadi, dalam hal ini siapa yang rugi? Kami peranakan Punjabi yang rugi dan terkebelakang dalam pendidikan agama Sikh.

Sharan Kaur¹⁷: JPG bertindak sebagai badan yang menyelaraskan pelbagai program dan aktiviti yang berlangsung di gurdwara. Misalnya, apabila ada individu memberi idea untuk program *samelan*, maka JPG akan melantik Ahli Jawatankuasa *Samelan*. JPG juga adalah tempat membuat aduan sekiranya ada sebarang masalah yang kemudiannya dibincangkan dalam mesyuarat KSS. Saya tidak menjadi ahli JPG sebab ia dimonopoli oleh kaum tua. Saya berasa segan untuk menyertainya sebab tiada ahli golongan muda. Saya masih tidak berpuas hati dengan JPG kerana mereka tidak menjalankan fungsi dan peranan sebenar, tidak kukuh dan berpecah belah serta tiada persefahaman di kalangan ahlinya. Ahli JPG gemar bergaduh daripada mengadakan perbincangan manakala ada yang mementingkan diri kerana setiap individu menganggap diri mereka pandai. JPG tidak begitu berjaya dalam membina identiti Sikh di gurdwara kerana hanya segelintir individu yang menjalankan tugas dan wujud banyak pertentangan pendapat. Golongan tua yang mendominasi KSS berfikirannya agak kolot kerana mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah. Saya melihat mereka sukar menerima idea dan pembaharuan yang dibawa oleh generasi muda. Cuba anda ingat kembali peristiwa yang berlaku pada tahun 2000. Di mana ada seorang individu yang menentang keras penubuhan Pusat Belia. KSS lupa selepas insiden

tersebut golongan muda hilang kepercayaan dengan keutuhan institusi gurdwara terutama dalam soal membina identiti Sikh. Saya fikir sudah tiba masanya golongan muda bersatu dan mengusir ahli-ahli KSS seperti reformasi sosial bertujuan menyelamatkan institusi gurdwara. Tetapi, masalah utama yang saya fikir ialah generasi muda tidak berani dan berminat mengenai hal ehwal politik gurdwara.

Ajmer Singh¹⁸: Bagi saya KSS masih mempunyai tiga peranan. Pertama, untuk memastikan institusi gurdwara beroperasi. Kedua, KSS mencari pendekatan untuk menyatupadukan komuniti Sikh dengan cara memberi memberi pengetahuan seperti menganjurkan aktiviti. Generasi muda peranakan Punjabi tidak berminat menyertai aktiviti di gurdwara kerana kurang pengetahuan agama Sikh. Ketiga, KSS mungkin menganggap mereka sudah banyak memberi perhatian dan sumbangan kepada komuniti Sikh di kawasan bandar. Malangnya mereka gagal memberi perhatian kepada masyarakat luar bandar. KSS seharusnya menggabungkan aktiviti tersebut bersama masyarakat luar bandar seperti di Tuaran. Kami di kawasan luar bandar berasa terpinggir dalam pelbagai program anjuran KSS. Bagi saya, peranan KSS dalam menguruskan perjalanan institusi gurdwara memang baik, tetapi program-program yang melibatkan pembangunan komuniti agak berkurangan. Mereka perlu memfokus kepada perkara-perkara mengenai pengetahuan (pendidikan) terutama mendidik generasi muda. Di gurdwara, kita perlu gunakan pelbagai teknologi moden seperti projektor. Lagi satu, perpustakaan harus beroperasi kembali bagi membolehkan golongan muda membuat rujukan dan meminjam pelbagai buku dan majalah agama. Saya kira dengan cara ini dapat memberi maklumat kepada golongan muda mengenai perkembangan peristiwa Sikh di luar negara.

Inder Singh¹⁹: Saya melihat tiada usaha murni dilakukan oleh pihak KSS secara serius untuk membina identiti Sikh. Mereka memegang jawatan untuk memastikan institusi gurdwara dijaga dengan baik. Mengenai pembinaan identiti, hanya dibuat berdasarkan atas inisiatif individu dan perlu mendapatkan kebenaran dan kelulusan KSS. Bagi saya, KSS sebagai *gurdwara sanction committee* kerana sering menghalang aktiviti yang ingin dianjurkan oleh golongan belia. Saya tidak berpuas hati dengan ahli JPG kerana setiap individu mempunyai agenda dan kepentingan sendiri (*vested interest*). Mereka ingin mendominasi politik gurdwara. KSS lebih memberi tumpuan dalam penjagaan struktur bangunan gurdwara seperti memastikan ianya tidak bocor, dimakan anai-anai dan rumput perlu dipotong setiap masa. Mereka mengkritik pembinaan *sach khand* yang dikatakan terlalu mahal walaupun mengetahui wang pembinaan tersebut bukannya datang dari dana KSS. Sebaliknya, dikutip melalui sumbangan ihsan derma komuniti Sikh termasuk orang Cina. Saya perhatikan fokus utama mengenai aspek kerohanian (*spiritual*) tidak diberi perhatian oleh KSS dan mereka hanya bergantung kepada inisiatif individu.

Amarjit Kaur²⁰: Saya rasa peranan KSS dalam membina identiti Sikh *a bit slow*. Sudah dua tahun tiada *samelan*. Tahun lalu (2003), alasan yang diberi ialah serangan *bird flu*. Biasanya *samelan* yang dianjurkan bukannya atas gagasan JPG sebaliknya idea beberapa orang individu dan JPG ikut sahaja. JPG tidak mempunyai inisiatif untuk menganjurkan *samelan* secara sendiri. Selepas mendapat reaksi peserta daripada program *samelan*, JPG tidak melakukan sebarang usaha untuk memperbaiki peranan mereka dalam membina identiti Sikh. Saya melihat peranan JPG hanya beri sokongan dan kelulusan menganjurkan program *samelan*. Sepanjang penglibatan saya dalam program *samelan*, saya nampak tiada usaha

dilakukan oleh pihak JPG membantu kanak-kanak terutama peranakan Punjabi menyertai program *samelan* tahunan di Semenanjung Malaysia. Sebenarnya ramai kanak-kanak berminat menyertainya tetapi sangat bergantung kepada kemampuan keluarga kerana kos perbelanjaan tinggi. Ada beberapa buah keluarga menghantar anak mereka setiap tahun untuk menyertai *samelan* di Semenanjung. Manakala sebahagian lagi keluarga peranakan Punjabi menegaskan anak mereka tidak biasa bergaul dengan orang Sikh. Semua ini satu alasan semata-mata kerana mereka tidak berminat dalam pendidikan agama dan tidak mahu berbelanja kerana tiket kapal terbang mahal. Saya lihat perkara ini menjadi menghalang kepada anak mereka yang berminat menyertai *samelan*. Saya kira JPG boleh membantu dengan menyumbang sedikit wang tabungan gurdwara. Mungkin JPG boleh menanggung sebahagian daripada kos perbelanjaan terutama tiket penerbangan untuk membolehkan generasi muda menyertai *samelan* dan mendapat manfaat. Tetapi, pandangan saya tidak akan diterima oleh ahli-ahli KSS yang tua-tua kerana mereka berpendapat wang gurdwara tidak boleh dibazirkan sesuka hati. Saya rasa itu bukan wang mereka tetapi sumbangan yang diberikan oleh komuniti untuk pembangunan gurdwara, maksudnya sama saja pembangunan komuniti.

Setelah meneliti beberapa hujah informan peranakan Punjabi mengenai peranan JPG dalam pembinaan identiti Sikh, didapati banyak kelemahan yang wujud dan perlu ditangani secara serius oleh persatuan KSS. Kepincangan tersebut memberi kesan kepada institusi politik KSS sebagai sebuah badan yang mentadbir dan mengurus GSKK. Pertama, pihak KSS tidak menjalankan peranan seperti menganjurkan program pendidikan agama sama ada melalui kelas Punjabi atau pun program *samelan*. Kedua-dua program tersebut wajar diberikan perhatian kerana gurdwara berperanan dalam menganjurkan program pembangunan komuniti. Perlu diingat, komuniti Sikh termasuk peranakan Punjabi menjadikan gurdwara sebagai pusat sosial terutama agama yang sudah sebatik dalam kehidupan mereka. Gurdwara sahajalah pusat komuniti Sikh untuk berinteraksi dan menjalinkan hubungan perpaduan selaras dengan tuntutan agama. Tanpa gurdwara, komuniti Sikh sudah tentu akan kehilangan panduan dan pedoman serta tidak dapat mengamalkan identiti kolektif seperti yang ditekankan oleh Guru-guru Sikh.

Ketidaksungguhan JPG menganjurkan program *samelan* secara konsisten memberi kesan dalam menganjurkan program pembangunan komuniti. Kebanyakan informan menegaskan JPG lebih gemar menggunakan dasar “tunggu dan lihat”. Mereka hanya menunggu individu menyampaikan idea mengenai program *samelan*. Selepas itu, individu terbabit diberikan tanggungjawab mengendalikan segala program *samelan*. Pendekatan ini bersifat jumud dan tidak profesional serta melanggar prinsip persatuan KSS. Ia sebenarnya merugikan komuniti Sikh terutama peranakan Punjabi yang mengalami “krisis identiti”. JPG wajar mempunyai perancangan dan pegangan dalam menganjurkan program *samelan* demi mendidik penganut mengenai agama mereka secara adil dan saksama. Cabaran utama yang menghalang JPG menganjurkan program ini kerana majoriti ahli kabinetnya terdiri daripada generasi tua. Majoriti ahli terbabit tidak bermaya menganjurkan program tersebut sehingga terpaksa meminta bantuan golongan *naujawan*.

Pandangan bernas Amarjit Kaur mengenai penglibatan kanak-kanak dalam menyertai program *samelan* di Semenanjung Malaysia penting diberikan bantuan oleh JPG. Persatuan tersebut boleh membantu dalam banyak perkara. Antaranya,

membiasai sekurang-kurangnya separuh daripada kos penerbangan. Justeru syarikat penerbangan tambang murah *AirAsia* juga banyak memperkenalkan pakej perjalanan dengan harga yang berpatutan sejak tahun 2003. Misalnya, tambang perjalanan penerbangan sehalu dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur dicaj sebanyak RM99.99. Tambang tersebut begitu murah berbanding syarikat penerbangan negara. Pihak KSS perlu mengambil peluang keemasan tambang murah ini untuk menambat hati *naujawan* untuk menyertai *samelan* di Semenanjung. Ia merupakan sikap positif bertujuan menekankan aspek psikologi demi menarik minat generasi muda menyertai program keagamaan di GSKK. Ia seperti motivasi, bonus dan acara tahunan kepada generasi muda mewakili negeri Sabah dalam program *samelan* yang berlangsung setiap tahun di Semenanjung. Yang pasti, peserta yang menghadiri *samelan* pasti akan mendapat pelbagai pendedahan yang luas terutama dari aspek pendidikan agama dan meningkatkan motivasi diri. Mereka juga boleh berkenalan dengan penganut Sikh yang lain dari pelbagai negeri di seluruh Malaysia. Secara ringkas, *samelan* merupakan medan terbaik mengumpul maklumat terkini mengenai perkembangan agama dan komuniti diaspora Sikh.

Seterusnya kegiatan politik KSS yang didominasi oleh majoriti golongan tua merupakan petanda yang tidak baik dan melemahkan institusi GSKK. Pandangan Sharan Kaur, iaitu “golongan tua yang mendominasi KSS berfikiran agak kolot kerana mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah. Saya melihat mereka sukar menerima idea dan pembaharuan yang dibawa oleh generasi muda” perlu diberi perhatian. Pandangan ini menunjukkan sikap tidak prihatin persatuan KSS mengenai peranan *naujawan*. Golongan muda ini perlu diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam memberikan pandangan dan idea baru demi keberlangsungan program pembangunan komuniti. *Naujawan* ini perlu dilatih dari awal kerana suatu hari nanti mereka yang akan menerajui kepemimpinan KSS dan menjadi nadi utama pembangunan komuniti di GSKK. Sekiranya *naujawan* ini tidak diberikan peluang untuk menyertai politik gurdwara maka mereka akan hilang haluan dan tidak menunjukkan minat mengambil alih kepimpinan gurdwara suatu hari nanti. Pepatah Melayu menarik diberikan perhatian, iaitu “melentur buluh, biarlah dari rebungunya” jelas mempunyai makna signifikan dalam melihat kes komuniti Sikh di Kota Kinabalu. Secara ringkas, *naujawan* perlu diberikan maklumat yang berterusan agar dewasa kelak mereka memahami cabaran yang dihadapi oleh komuniti Sikh. Golongan *naujawan* juga perlu menghayati kelemahan yang dihadapi oleh KSS dan membantu merencana pelbagai program pembangunan di masa depan bertujuan meneruskan perkembangan agama Sikh di negeri Sabah.

Ketidakeimbangan program pembangunan komuniti yang dianjurkan oleh JPG secara tidak langsung menunjukkan kelemahan peranan gurdwara dalam membentuk identiti Sikh dan pemahaman agama kepada umatnya. Pandangan Ajmer Singh mengenai pembangunan yang tidak seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar juga perlu diteliti oleh pihak KSS kerana ia memberi kesan kepada kehidupan peranakan Punjabi. Mereka yang menetap di kawasan luar bandar seperti di daerah Tuaran berasa terpinggir dan mengalami cabaran hebat dalam mengekalkan identiti Sikh. Melalui pemerhatian ikut serta dalam program keagamaan di Tuaran, didapati ada beberapa buah bekas keluarga peranakan Punjabi telah memeluk agama lain seperti Kristian dan Islam. Ketiadaan program keagamaan yang dijalankan oleh KSS di kawasan Tuaran menjadikan komuniti peranakan Punjabi dilanda “krisis identiti” dan hidup dalam dilema.

Kajian ini menunjukkan terdapat beberapa orang remaja peranakan Punjabi yang mempunyai minat tinggi untuk mendalami agama Sikh. Namun cabaran yang dihadapi oleh mereka ialah kurangnya sumber rujukan agama Sikh dalam bahasa Melayu. Sebabnya kebanyakan bahan mengenai agama Sikh ditulis dalam bahasa Punjabi. Kekurangan terjemahan teks dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris secara langsung menghambat pembinaan identiti Sikh di kalangan komuniti peranakan Punjabi di Kota Kinabalu. Pendek kata, persatuan KSS tidak serius dalam menjalankan program pembangunan komuniti secara adil dan seimbang agar komuniti peranakan Punjabi yang menetap di kawasan luar bandar turut menikmati faedahnya. Justeru, KSS perlu menyediakan bahan bacaan agama Sikh di dalam bahasa Melayu demi manfaat penganut Sikh yang tidak boleh berbahasa Punjabi. Bahan bacaan mengenai agama Sikh tidak mungkin dapat dibekalkan oleh KSS kerana perpustakaan di premis GSKK sudah ditutup lebih sepuluh tahun. penulis melihat sendiri kebanyakan buku mengenai agama yang tersimpan telah dimakan serangga seperti ulat dan anai-anai. Apa yang menarik, kesemua buku, majalah dan jurnal tersebut merupakan koleksi tahun 1960-an dan tiada buku baru ditemui. Perpustakaan tersebut tidak kondusif kerana seperti bilik stor dan dipenuhi banyak habuk serta tidak boleh dibuka sesuka hati melainkan mendapat kebenaran daripada ahli JPG.

Kesimpulan

Pelaksanaan program pembangunan komuniti Sikh menjadi cabaran utama di Kota Kinabalu kerana KSS mempunyai *focus area* yang berbeza dengan tuntutan agama dan komuniti Sikh. Di GSKK, komuniti peranakan Punjabi mengalami cabaran hebat dalam mendapatkan maklumat agama Sikh di dalam bahasa yang mereka fahami, iaitu bahasa Melayu. Golongan *religious specialist* hanya menggunakan bahasa Punjabi dalam mengendalikan program keagamaan. Giani Dheer Singh langsung tidak mempunyai minat dan berusaha untuk menterjemahkan mesej agama Sikh yang mudah ke dalam bahasa Melayu untuk pemahaman peranakan Punjabi. Giani Dheer Singh hanya berbahasa Punjabi dan tidak mempedulikan sama ada sanggat memahami mesej agama atau sebaliknya. Beliau hanya menjalankan tugas harian seperti yang termaktub dalam surat perjanjian dengan majikannya. Ketidakprihatinan Giani Dheer Singh memahami masalah peranakan Punjabi menjadi salah satu faktor utama peranakan Punjabi meninggalkan agama Sikh dan memeluk agama lain terutama Kristian. Golongan yang memeluk agama Kristian ini memahami mesej agama yang disampaikan dalam bahasa Melayu di gereja pada setiap hari Ahad. Inilah perbezaan antara persembahan mesej agama di gurdwara dan gereja yang tidak diberi perhatian oleh *Granth Sahib* dan ahli JPG.

Pihak JPG perlu komited dalam usaha membantu komuniti peranakan Punjabi mempelajari ajaran asas agama Sikh. Namun, mereka lebih sibuk memberi tumpuan untuk “mengindahkan” kawasan gurdwara dan membuat pelaburan dari aspek kebendaan sehingga mengabaikan pendidikan agama terutama kerohanian. Kelemahan ini menyebabkan komuniti peranakan Punjabi ketinggalan dari segi pemahaman agama kerana pihak JPG “gagal” memainkan peranan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan KSS. Kebanyakan ahli JPG juga tidak mempunyai role model sebagai seorang Sikh yang komited dalam bidang pendidikan agama.

Persoalannya, bagaimana JPG hendak memajukan perkembangan pendidikan agama apabila ahlinya sendiri tidak jelas dan komited dari segi agama.

Penghargaan

Kajian ini adalah sebahagian daripada tesis doktor falsafah di Program Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM di bawah penyeliaan Prof. Dr. Shamsul A.B dan Prof. Dr. Mohamed Yusoff Ismail sepanjang tahun 2000-2005. Penghargaan ikhlas juga diucapkan kepada Prof. Dr. Abdul Rahman Embong dan Prof. Dr. Hood Salleh atas sokongan murni dan tunjuk ajar selama ini.

Nota Hujung

¹ Surat khas daripada Brahmpreet Kaur dan Suaran Singh bertarikh 24 Julai 2004. Mereka berdua terdiri daripada peserta yang menghadiri program *samelan*. Mereka begitu komited dalam agama Sikh dan memohon *amrit* seterusnya menjadi *role model* kepada peranakan Punjabi yang lain di Kota Kinabalu amnya dan Sabah khususnya.

² Surat khas mengenai sejarah program *samelan* disediakan oleh En. Darshan Singh Sandhu dan En. Mohan Singh Babhra bertarikh 30 Jun 2004. Kedua-duanya tokoh ini cukup aktif dalam menganjurkan program *samelan* dan mereka turut mendapat bantuan serta sokongan beberapa orang rakan seperti Pritam Singh, Pardhan Singh, Lukhwant Singh, Prakash Singh dan lain-lain.

³ Sarjit Singh, "Peranan Gurdwara Dalam Pembentukan Identiti Sikh di Malaysia: Satu Kajian Perbandingan," (Tesis Ph.D, Program Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), hal. 50.

⁴ Sarjit Singh, "Diaspora Sikh dan Masalah Identiti di Malaysia," *Jurnal Akademika*, 55 (1999), 183-192.

⁵ Sarjit Singh, "Peranan Gurdwara," hal. 50-51.

⁶ Sarjit Singh, "Diaspora Sikh," hal. 188.

⁷ Sejak pembukaan Gurdwara Sahib Jesselton pada tahun 1924, pendidikan agama terutama skrip tulisan *Gurmukhi* diberi perhatian. Tetapi, lama kelamaan pendidikan tersebut semakin 'terpinggir' kerana kekurangan guru yang komited dan ketidaksungguhan pihak ibu bapa menghantar anak mempelajari bahasa Punjabi. Ada juga kebanyakan ibu bapa yang menganggap bahasa Punjabi tidak penting kerana untuk mendapatkan pekerjaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu lebih penting. Temubual bersama En. Darshan Singh Sandhu pada 30 Jun 2004 di GSKK.

⁸ Fail peribadi En. Darshan Singh Sandhu bertarikh 10 Ogos 1991.

⁹ En. Darshan Singh Sandhu ialah seorang peranakan Punjabi-Kadazan yang komited dalam pendidikan agama Sikh. Bapanya seorang Sikh dan ibunya berketurunan Kadazan-Dusun. Beliau adalah lulusan graduan dalam bidang ekonomi dari Universiti Malaya pada tahun 1977. Beliau bersama beberapa rakan peranakan Punjabi yang lain mempelajari bacaan skrip tulisan *Gurmukhi* daripada Giani Gurpreet Kaur di luar premis GSKK. Menariknya, beliau sudah boleh membaca buku agama yang ditulis dalam skrip *Gurmukhi* dan masih berusaha untuk berinteraksi dalam bahasa Punjabi.

¹⁰ Fail peribadi En. Darshan Singh Sandhu bertarikh 10 Ogos 1991.

¹¹ Temubual bersama En. Darshan Singh Sandhu pada 7 Mac 2004 di GSKK.

¹² Puan Sarjit Kaur Kler adalah mantan Presiden KSS pada tahun 2003 sehingga bulan Mac 2004. Walaupun pernah menjawat jawatan sebagai presiden namun beliau tidak mempunyai sebarang pengaruh untuk menyakinkan anggota JPG mengenai peri pentingnya pendidikan agama, iaitu pembukaan semula sekolah Punjabi. Sebagai seorang Presiden, beliau menjalankan tugas dan tanggungjawab secara komited dan mengajar kelas Punjabi mengikut modul dan keupayaan sendiri.

¹³ Datuk Udham Singh berpendapat pembinaan pusat belia ialah satu pembaziran dan mengundang kepada berlakunya perkara tidak sihat seperti "bercinta dan bermesra" di kalangan generasi muda. Pandangan bersifat skeptism ini tidak mementingkan pembangunan komuniti sebaliknya memberi kesan kepada kemajuan serta pembangunan generasi muda. Maklumat ini dikumpul berdasarkan temubual secara tidak formal bersama beberapa orang mantan ahli KSS dan komuniti peranakan Punjabi.

¹⁴ Darshan Singh, "Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh belia-beliawanis Sikh di Sabah," Kertas kerja Seminar Mengenai Cabaran dan Masalah Belia-beliawanis Sik di Negeri Sabah. Anjuran Jawatankuasa Kecil Sikh Naujawan, Kinabalu Singh Sabha, 16 September, 1994.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Jasbir Singh dilahirkan dalam tahun 1952 di Tuaran. Beliau adalah seorang *Khalsa* dan berasal dari sebuah keluarga peranakan Punjabi. Beliau sehingga kini masih aktif dalam kegiatan pembangunan komuniti peranakan Punjabi terutama aspek pendidikan di GSKK.

¹⁷ Sharan Kaur dilahirkan dalam tahun 1976 di Kota Kinabalu. Beliau bukan seorang *Khalsa*, namun bergiat aktif dalam aktiviti pembangunan komuniti khususnya peranakan Punjabi.

¹⁸ Ajmer Singh dilahirkan pada tahun 1959 di Tuaran dalam keluarga peranakan Punjabi. Beliau adalah seorang *Khalsa* dan mendapat pengetahuan agama Sikh dalam bahasa Indonesia. Beliau boleh berbahasa Melayu, Inggeris, Dusun, Bajau, akan tetapi tidak mahir berbahasa Punjabi.

¹⁹ Inder Singh dilahirkan dalam tahun 1954 di Likas. Beliau berasal dari keluarga peranakan Punjabi dan juga merupakan seorang *Khalsa*. Beliau boleh berbahasa Dusun, Hakka, Inggeris, Melayu dan sedikit bahasa Punjabi.

²⁰ Amarjit Kaur dilahirkan dalam tahun 1970 di Kota Kinabalu. Beliau adalah seorang peranakan Punjabi dan juga merupakan seorang *Khalsa* yang komited menyertai program keagamaan di GSKK. Beliau berkahwin dengan lelaki Sikh totok dari Semenanjung Malaysia.